

KONTINJEN SPE MENANG ANUGERAH KHAS SEMPENA MAULIDUR RASUL 2008



Sambutan Maulidur Rasul 2008 /1419H kali ini menyaksikan Kontinjen Sekolah Perniagaan & Ekonomi dengan penyertaan seramai 130 orang ahli telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Kontinjen Paling Ramai Ahli. Jumlah tersebut merupakan gabungan antara pengurusan, kakitangan keluarga akademik, kakitangan sokongan serta pelajar-pelajar. Perarakan kontinjen-kontinjen semua sekolah, unit serta jabatan-jabatan bermula dari perkarangan Dewan Canselor dan berakhir di Dewan Kuliah Perdana menyaksikan semangat yang di tonjolkan sempena memperingati junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W. Turut sama dalam perarakan tersebut ialah Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. Mohd Noh Dalimin dan pegawai-pegawai tertinggi UMS. Sesi ceramah khas oleh Prof. Dr. Hatta Bahrom turut di adakan dengan tajuk ' Ciri-ciri Mulia Rasulullah S.A.W.'